

## **PERSEPSI PELAJAR SEKOLAH MENENGAH TERHADAP PENGGUNAAN INTERNET DALAM PENULISAN KARANGAN**

**Jamaludin Badusah, Hashimah Haji Hashim  
Universiti Kebangsaan Malaysia**

### **Pendahuluan**

Penggunaan peralatan komunikasi elektronik seperti Internet dapat menyediakan persekitaran pendidikan bahasa yang ideal kerana konsep moden dalam pendidikan dan pengajaran bahasa adalah menekankan kebebasan pelajar serta pendekatan komunikatif berbentuk tugas. Kaedah ini menekankan konsep yang lebih luas terhadap kemampuan berinteraksi pelajar (Peterson 1997). Kajian Stone (1999), mendapati kesan penggunaan Internet dalam pengajaran penulisan karangan pelajar-pelajar sekolah rendah adalah positif. Kajian ini menunjukkan program W/IT (Writing Using Internet as a Tool) berjaya memperbaiki tahap penulisan karangan kumpulan kawalan. Pelajar kumpulan kawalan berjaya menghasilkan penulisan karangan yang bermutu dari aspek isi, bahasa dan persembahan.

Penulisan karangan adalah aspek yang sukar dikuasai dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Kemahiran menulis melibatkan unsur luaran dan dalaman diri seseorang. Kroll (1990), dan Maxwell (1993), menjelaskan kemahiran menulis merupakan satu aspek kemahiran yang sukar dan kompleks. Pengajaran satu hala atau pengajaran berpusatkan guru tidak sesuai lagi diaplikasikan dalam bilik darjah malah perlu diubah kepada pengajaran berpendekatan berpusatkan pelajar. Biggs (1999), menyatakan amat penting untuk menghasilkan pembelajaran yang berkualiti dan untuk itu pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar akan menggalakkan pelajar meneroka sendiri perkara yang hendak dipelajari dan secara tidak langsung meningkatkan daya kreativiti pelajar dalam mengarang. Pada pandangan Biggs (1999), perkara ini boleh dilaksanakan dengan berkesan berasaskan sistem pembelajaran melalui web atau jaringan rangkaian Internet.

### **Skop Kajian**

Pengajaran penulisan karangan begitu penting kerana melalui hasil tulisan dapat dinilai tahap kemampuan seseorang pelajar itu berfikir dan menyampaikan idea mereka. Namun, walaupun kemahiran menulis dan mengarang itu penting bagi memenuhi kehendak kehidupan hari ini, corak pengajaran dan pembelajaran yang disediakan di sekolah kurang menuju ke arah pencapaian matlamat tersebut. Didapati corak pengajaran lebih kepada penghasilan isi atau fakta dalam kegiatan menulis yang agak terbatas. Isi dan fakta yang diberikan guru selalunya menjurus kepada fokus soalan tertentu sahaja. Perkembangan daya intelektual dan kematangan pelajar kurang diberikan tumpuan. Kajian Jamaludin dan Zamri (1999), mendapati persepsi pelajar terhadap penulisan karangan adalah positif tetapi corak pengajaran guru yang berbentuk atau bersifat satu hala agak mengecewakan para pelajar. Menurut mereka lagi guru kurang membantu mereka untuk melakukan penulisan. Peluang berbincang dengan guru dan rakan sedarjah amat terbatas. Suasana sebegini menghalang percambahan minda pelajar dan pembelajaran bahasa menjadi semakin membosankan.

Penggunaan aplikasi Internet memberikan wadah baru atau inovasi baru kepada guru untuk menarik minat pelajar membaca dan mengumpulkan maklumat. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Descy (1998), terdapat empat kelebihan penggunaan laman web dalam menyampaikan pengajaran dan pembelajaran:

- i. Penghantaran maklumat menjadi mudah dan membolehkan pelajar yang memerlukan maklumat menyalin dan menyimpannya.
- ii. Bahan yang ditawarkan melalui laman web mudah untuk dikemaskini berdasarkan perkembangan semasa.
- iii. Bahan yang diberi kepada para pelajar mudah untuk dikawal melalui kata laluan tertentu.
- iv. Perisian yang menggunakan laman web tidak memerlukan platform yang khusus. Pengguna boleh menggunakan komputer biasa berdasarkan aplikasi windows.

Kemudahan yang disediakan oleh teknologi komputer dan Internet ini, memberi peluang untuk pelajar mendapatkan maklumat dengan mudah dan dapat pula menyimpan maklumat untuk tujuan rujukan. Penggunaan komputer dan Internet dalam pengajaran dan pembelajaran juga memberi satu suasana yang fleksibel. Pelajar boleh berhubung dengan guru dan rakan dalam bentuk serentak (synchronous) dan tertangguh (asynchronous) melalui ruangan perbualan (chat) atau surat elektronik (e-mail). Ini bermakna pelajar mempunyai ruang untuk berkomunikasi dengan sesiapa sahaja dengan mudah. Perbincangan secara maya membantu pelajar bertukar-tukar pendapat dengan selesa tanpa kekangan masa dan ruang. Pangkalan data di dalam komputer boleh menyimpan pelbagai maklumat yang mudah untuk dicapai oleh para pelajar pada bila-bila masa dan di mana jua mereka berada sama ada di dalam atau di luar bilik darjah. Kemudahan pencapaian maklumat ini dapat membantu pelajar dalam membuat persediaan untuk penulisan mereka.

Maklumat yang terdapat di Internet terdiri daripada maklumat yang berbentuk khusus dan maklumat yang berbentuk umum. Keadaan ini menyediakan peluang kepada pelajar membuat pemilihan maklumat mengikut kesesuaian untuk penulisan. Maklumat boleh dicapai menerusi terminal komputer sahaja tanpa perlu membuang masa untuk ke perpustakaan (Collin 1996). Pernyataan ini disokong dengan hasil dapatan daripada kajian Kuang-Wu (2000), yang mendapati bahawa untuk mendapatkan maklumat memerlukan masa yang panjang dengan cara tradisional.

Perkembangan teknologi Internet ini telah mengubah model pengajaran dan pembelajaran yang sedia ada (Kuang-Wu, 2000). Pelajar tidak lagi hanya menerima maklumat daripada guru dan buku teks sahaja, malah boleh membuat pelbagai pilihan sumber melalui Internet. Perolehan maklumat menerusi dunia maya sebegini boleh disifatkan sebagai kedai buku yang terbesar sehingga Ghandi (2001), mengkategorikannya sebagai perpustakaan maya.

Berdasarkan perbincangan berkaitan dengan Internet dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa terutama dalam penulisan karangan dijangka akan dapat mengatasi permasalahan dalam pencarian maklumat. Pelajar akan lebih bersedia untuk menulis dan mengolah isi dengan lebih tersusun dan lebih matang, lengkap dengan huraian dan contoh-contoh yang sesuai. Walau bagaimanapun keistimewaan Internet ini dapat dimaksimumkan penggunaannya berdasarkan persepsi pelajar terhadap Internet itu sendiri. Satu kajian dijalankan bagi mengenal pasti tentang persepsi pelajar terhadap penggunaan Internet dalam penulisan karangan pelajar.

### **Persepsi Pelajar dan Internet**

Greany (2002), telah membuat satu kajian terhadap kelas bahasa Sepanyol menggunakan gabungan teknologi yang antaranya ialah penggunaan Internet. Dapatan kajian ini telah

melaporkan bahawa penggunaan teknologi dalam pembelajaran bahasa terdapat banyak faedah. Antara faedahnya adalah peningkatan dalam motivasi, peningkatan konsep sendiri, dapat membawa konsep belajar berpusatkan pelajar, corak pembelajaran yang aktif, melahirkan pelajar berkemahiran tinggi dan meningkatkan daya ingatan. Selain itu pembelajaran menggunakan teknologi multimedia memudahkan pelajar yang berprestasi rendah (lemah) memahami penghuraian sesuatu konsep dan penyusunan maklumat berbentuk fakta. Di samping itu dapat melahirkan pelajar yang berkeyakinan untuk belajar sendiri.

Perkembangan dan kewujudan Internet di dalam bilik darjah memberi kesan terhadap pencapaian pelajar dalam pelajaran. Penyelidikan tentang pembelajaran berbantuan computer (Toriskie 1999) dalam satu kajian eksperimen terhadap sikap pelajar terhadap pembacaan dan penulisan dalam subjek geografi dan sejarah serta kemahiran menaip pelajar-pelajar yang menggunakan komputer dan Internet menunjukkan Internet mendatangkan kesan yang positif terhadap sikap pelajar dalam mata pelajaran geografi dan sejarah. Beliau juga mendapati latar belakang pendapatan keluarga sama ada berpendapatan tinggi atau rendah mempunyai sikap yang positif terhadap penggunaan Internet. Dapatan ini menjelaskan bahawa penggunaan Internet dalam pengajaran dan pembelajaran memberi satu suasana yang menyeronokkan dan meningkatkan minat untuk belajar. Selain itu, Warschauer (1999), menjelaskan dengan menggunakan Internet dalam pengajaran dan pembelajaran, pelajar didapati lebih bermotivasi berbanding menggunakan kaedah biasa. Menurut beliau lagi motivasi pelajar juga turut meningkat dalam pembelajaran penulisan.

Intergrasi pelbagai media seperti visual, audio, grafik yang jelas dan menarik dalam persembahan maklumat menerusi Internet dapat melayan kehendak pelajar dan menjadi daya penarik untuk melayari Internet bagi mendapatkan maklumat. Dalam pengajaran penulisan karangan, pelajar lebih tertarik untuk melihat perkara sebenar daripada hanya mendengar penerangan guru. Pengajaran penulisan karangan memerlukan gambaran dan situasi yang tepat untuk meningkatkan kefahaman dan minat pelajar. Internet boleh menyediakan situasi sebenar ini menerusi simulasi dan demontrasi yang dapat dilakukan menerusi aplikasi multimedia di dalam Internet. Brook (1997), menjelaskan di samping menjimatkan kos, demontrasi dapat dibawa ke dalam kelas dengan selamat.

Kajian Warschauer (1996) telah mengenal pasti tiga faktor yang meningkatkan motivasi yang dihasilkan daripada penggunaan teknologi iaitu untuk kemudahan berkomunikasi dan juga untuk pembelajaran. Aspek kemudahan berkomunikasi menjelaskan bahawa pelajar boleh berhubung dengan rakan dalam keadaan sebenar. Pelajar boleh bebas berhubung dan tidak berasa terkongkong, tidak terasing dan mereka tidak takut atau bimbang untuk berhubung menerusi Internet dengan rakan ( Gray dan Xiaoli, 2001). Di sini pelajar boleh bebas berbincang, mengeluarkan pendapat dan bertanya sama ada sesama rakan pelajar atau guru. Perhubungan yang berlaku secara maya ini mewujudkan suasana yang selesa dan tidak timbul rasa malu. Aspek pembelajaran pula menghuraikan tentang kepercayaan komputer mengawal pembelajaran iaitu sama ada hendak belajar lebih cepat. Di samping itu corak pembelajaran lebih berdikari iaitu bebas daripada kongkongan guru dan boleh menulis lebih kreatif hasil pelbagai rujukan yang boleh dilakukan menerusi Internet. Laporan daripada kajian Salabery (2001) mendapati kesan perkembangan teknologi dalam pengajaran dapat meningkatkan sikap pelajar-pelajar terhadap pembelajaran di dalam dan luar bilik darjah.

Kajian Sutherland (2002), mendapati pelajar yang menggunakan Internet dapat membuat pembacaan mengikut kesesuaian dan gaya pembelajaran mereka. Faktor ini juga mempengaruhi minat dan motivasi mereka untuk terus membaca dan memperbaiki

pencapaian akademik. Beberapa orang pengkaji juga telah mendapati teknologi Internet telah dapat meningkatkan kemahiran menulis (Warschauer, 1996; Beavios, 1998). Menurut Beavios, pelajar yang menggunakan Internet dalam projek penulisan didapati lebih lancar dalam perbualan dan boleh menggunakan ayat-ayat yang kompleks dan lebih terbuka dalam berfikir.

Namun begitu apa yang menjadi persoalan ialah sejauhmanakah individu pelajar itu dapat menyesuaikan diri dan menerima alat baru seperti teknologi Internet adalah bergantung kepada konsep efikasi sendiri yang ada pada seseorang pelajar itu.. Efikasi sendiri berkaitan dengan kepercayaan seseorang terhadap kebolehan untuk melakukan sesuatu tugas (Bandura, 1977). Sama ada seseorang akan berusaha terhadap tugas yang diberikan adalah bergantung kepada kesan kepercayaannya terhadap sesuatu alat yang digunakan untuk membantu mencapai sesuatu objektif. Menurut Gist (1987), efikasi sendiri juga dijangka memberi kesan terhadap kesungguhan dan kekuatan dalam melakukan tugas dan dapat menunjukkan minat dan tahap kesukaran yang dipilih untuk melakukan sesuatu. Individu yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi menurut Oliver dan Shapiro (1993), mempunyai peluang yang tinggi untuk berjaya dalam melakukan sesuatu tugas yang dilakukannya.

Pada pandangan Torkzadeh dan Dyke (2002), gagasan efikasi sendiri ini amat berguna untuk dijadikan asas sebagai pengukur perkembangan penerimaan diri individu dan pengukur keupayaan individu dalam penggunaan Internet dalam pengajaran dan pembelajaran dalam penulisan karangan. Gagasan teori efikasi sendiri ini juga sangat penting kerana dapat membantu memahami dengan baik mengapa seseorang itu menggunakan komputer atau Internet, sedia menggunakan komputer, memilih projek komputer yang mempunyai objektif yang sukar, terus memperbaiki diri dalam menggunakan komputer dan mempunyai kadar kemungkinan yang tinggi untuk berjaya. Bagi pelajar yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi, mereka dengan mudah menerima dan dengan penuh yakin menggunakan Internet dalam pembelajaran. Sama ada seseorang itu akan terus menggunakan Internet dan terus berusaha menyediakan tugas yang diberi adalah bergantung pada kekuatan kesan kepercayaan terhadap penggunaan Internet yang disediakan di dalam atau di luar bilik darjah.

Perkembangan teknologi maklumat boleh mengubah persepsi pelajar terhadap penggunaan Internet dalam pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Perubahan ini bergantung kepada sikap, motivasi, efikasi sendiri dan minat pelajar terhadap Internet. Sekiranya pelajar dapat menerima kehadiran teknologi Internet ini dengan pemikiran yang terbuka maka proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah akan lebih aktif dan bermakna.. Pengumpulan maklumat daripada pelbagai disiplin ilmu menjadi mudah dan lebih jelas. Gaya penulisan pelajar juga akan lebih kreatif dan menarik. Dengan demikian kehadiran Internet akan menjadi wadah penyelesaian bagi memperbaiki dan meningkatkan pencapaian penulisan pelajar.

### **Tujuan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji persepsi penggunaan Internet terhadap pencapaian penulisan karangan bahasa Melayu di kalangan pelajar tingkatan empat. Kajian ini mengkaji persepsi pelajar terhadap penggunaan internet melalui empat komponen iaitu sikap, motivasi, effikasi sendiri dan minat. Bagi mengkaji persepsi penggunaan Internet dalam penulisan karangan 7 objektif kajian telah dibina.

## Objektif Kajian

1. Mengenal pasti sikap pelajar terhadap penggunaan Internet dalam penulisan karangan.
2. Mengenal pasti motivasi pelajar terhadap penggunaan Internet dalam penulisan karangan.
3. Mengenal pasti efikasi sendiri pelajar terhadap penggunaan Internet dalam penulisan karangan.
4. Mengenal pasti minat pelajar terhadap penggunaan Internet dalam penulisan karangan.
5. Mengenal pasti persepsi pelajar di kalangan sekolah bersaraja penuh dan sekolah harian biasa terhadap penggunaan Internet dalam penulisan karangan.
6. Mengenal pasti persepsi pelajar berdasarkan jantina terhadap penggunaan Internet dalam penulisan karangan
7. Mengenal pasti persepsi pelajar berdasarkan pendapatan keluarga terhadap penggunaan Internet dalam penulisan karangan

## Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian yang berbentuk tinjauan dengan menggunakan 50 item soal selidik sebagai alat untuk mengumpulkan data kajian. Soal selidik terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian A terdiri daripada biodata diri pelajar dan Bahagian B terdiri daripada empat komponen persepsi yang terdiri daripada sikap (15 soalan); motivasi (8 soalan); efikasi sendiri (12 soalan) dan minat (8 soalan). Kajian ini melibatkan 189 orang pelajar tingkatan empat di dua buah sekolah di dalam daerah Hulu Langat. Pelajar-pelajar yang terlibat terdiri daripada pelajar sekolah harian biasa dan sekolah berasrama penuh. Bilangan responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah berasrama penuh adalah seramai 90 orang (47.6 %) dan seramai 99 orang (52.4%) adalah sekolah harian biasa. Bilangan responden pelajar lelaki adalah seramai 76 orang (40.2 %) dan responden pelajar perempuan adalah seramai 113 orang (59.8 %). Pendapatan keluarga pula dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu yang terdiri daripada keluarga berpendapatan tinggi 81 orang (42.9 %), sederhana 39 orang (20.6 %) dan berpendapatan rendah 69 orang (36.5 %)

## Dapatan Kajian

Kajian ini adalah untuk mengenal pasti persepsi pelajar di sekolah berasrama penuh dan sekolah harian biasa terhadap penggunaan Internet dalam penulisan karangan. Dapatan kajian dibahagikan kepada 4 bahagian persepsi iaitu (1) Sikap, (2) Motivasi, (3) Efikasi Kendiri (4) Minat. Dapatan kajian dijelaskan dengan menggunakan analisis deskriptif untuk melihat min, sisihan piawai, ujian nilai - t dan ANOVA satu hala.

## Sikap Pelajar terhadap Penggunaan Internet dalam Penulisan Karangan

Sikap pelajar terhadap penggunaan Internet dalam penulisan karangan bahasa Melayu ditunjukkan dalam jadual 1. Dalam jadual di bawah terdapat 15 item untuk soalan sikap. Pada keseluruhan sikap pelajar terhadap penggunaan Internet dalam penulisan didapati sangat baik (min 3.65) dengan sisihan piawai 0.93. Min yang tertinggi adalah item yang menyatakan bahawa penggunaan Internet memudahkan mereka mendapatkan maklumat (min 4.34). Penyataan bahawa penggunaan Internet sebagai bahan bantu belajar menjadikan pengajaran guru tidak membosankan pelajar juga menunjukkan min yang tinggi (min 4.19). Pelajar juga menyatakan kesediaan mereka untuk menggunakan Internet dalam penulisan karangan (min 3.71). Di samping itu item yang merujuk Internet sebagai objek yang membantu belajar penulisan (min 3.03) dan Internet sebagai penjurus kepada membina matlamat yang jelas (min 2.95) adalah yang terendah.

**Jadual 1 : Sikap Pelajar Terhadap Penggunaan Internet dalam Penulisan Karangan**

	N	Min	Sisihan Piawai
memudahkan mendapat pelbagai maklumat	189	4.34	0.97
tidak melambatkan kerja-kerja penulisan	189	4.24	1.63
kebosanan pelajar dapat dikurangkan	189	4.19	1.09
penggunaan tidak membebankan	189	4.19	3.86
menyukai kebanyakan kerja-kerja yg perlu dilakukan	189	3.97	1.20
bersedia menggunakan Internet	189	3.71	1.15
pelbagai kegiatan penulisan	189	3.67	1.09
bersedia menggunakan pelbagai cara	189	3.66	1.29
bahan dalam Internet sesuai untuk penulisan	189	3.64	1.10
bahan daripada Internet lebih baik	189	3.58	1.20
berkeupayaan mengawal situasi semasa belajar	189	3.23	1.23
suka menggunakan Internet dalam pembelajaran	189	3.15	1.33
benar-benar yakin semasa menggunakan Internet	189	3.13	1.21
membantu belajar penulisan	189	3.03	1.26
mempunyai matlamat yang jelas	189	2.95	1.25

Dapatan kajian ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan sikap yang signifikan antara jantina dan perbezaan pendapatan keluarga. Walau bagaimanapun berdasarkan Jadual 2 terdapat perbezaan yang signifikan sikap pelajar berdasarkan kategori sekolah. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan min minat pelajar sekolah menengah berasrama penuh (min = 3.80) dengan min sikap pelajar sekolah harian (min = 3.50). Perbezaan min sikap antara pelajar sekolah asrama penuh dan sekolah harian adalah 0.30, nilai  $t = 0.023$  dengan  $df = 187$ . Nilai ini menunjukkan ada perbezaan yang signifikan ( $p < 0.05$ ) dalam minat pelajar.

**Jadual 2 : Perbezaan Sikap berdasarkan kepada Jenis Sekolah**

Kategori sekolah	N	Min	S P	DF	Nilai t	Sig - 2 tailed
Sekolah Asrama Penuh	90	3.8096	.8100	187	2.285	0.023
Sekolah Harian	99	3.5044	1.0049			

\* signifikan pada paras  $p < 0.05$

### Motivasi Pelajar Terhadap Penggunaan Internet dalam Penulisan Karangan

Motivasi pelajar terhadap penggunaan Internet dalam penulisan karangan pada keseluruhannya menunjukkan nilai min yang tinggi (min = 3.54) seperti yang ditunjukkan dalam jadual 3 dengan sisihan piawai 0.83. Item yang menyatakan pelajar suka menggunakan Internet walaupun pelajar tidak menyukai pembelajaran penulisan menunjukkan nilai yang tertinggi (min = 3.68). Pelajar juga didapati berpuas hati dengan hasil kerja sekiranya menggunakan Internet (min = 3.61). Internet dapat membangkitkan motivasi untuk belajar penulisan (min = 3.52) Item pelajar sentiasa ingin menggunakan Internet dalam pembelajaran penulisan karangan adalah yang terendah (min = 3.43).

**Jadual 3 : Motivasi Pelajar Terhadap Internet dalam Penulisan Karangan**

	N	Min	Sisihan Piawai
suka walaupun tidak menyukai pembelajaran	189	3.67	1.20
berpuas hati dengan hasil kerja	189	3.60	1.10
tidak akan menimbulkan pelbagai alasan	189	3.59	1.21
suka walaupun tajuk membosankan	189	3.52	1.27
membangkitkan motivasi	189	3.51	1.18
menetapkan matlamat pencapaian yang tinggi	189	3.51	1.15
yakin akan berjaya apabila menggunakan Internet	189	3.46	1.05
sentiasa ingin menggunakan Internet	189	3.43	1.23

Dapatan kajian ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan motivasi yang signifikan antara jantina dan perbezaan pendapatan keluarga. Walau bagaimanapun berdasarkan Jadual 4 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap motivasi pelajar berdasarkan kategori sekolah. Dapatan menunjukkan perbezaan min motivasi pelajar sekolah menengah berasrama penuh (min = 3.68) dengan min minat pelajar sekolah harian (min = 3.41). Perbezaan min motivasi antara pelajar sekolah asrama penuh dan sekolah harian adalah 0.27, nilai  $t = 0.026$  dengan  $df = 187$ . Nilai ini menunjukkan ada perbezaan yang signifikan  $p < 0.05$  dalam motivasi pelajar.

**Jadual 4: Perbezaan Motivasi berdasarkan kepada Jenis Sekolah**

Kategori sekolah	N	Mean	S P	DF	Nilai t	Sig - 2 tailed
Sekolah Asrama Penuh	90	3.68	.7584	187	2.251	0.026
Sekolah Harian	99	3.41	.8818			

\* signifikan pada paras  $p < 0.05$

**Efikasi Kendiri Pelajar Terhadap Penggunaan Internet dalam Penulisan Karangan**

Jadual 5 menunjukkan min persepsi pelajar dalam efikasi sendiri pada keseluruhan adalah tinggi (min = 3.75) dengan sisihan piawai 0.74. Pelajar ingin mengikuti kursus lanjutan jika diberi peluang menunjukkan nilai min tertinggi (min = 4.26). Pelajar juga percaya dengan menggunakan Internet, pelajar berkemampuan menulis karangan yang memerlukan banyak fakta (min = 4.13). Internet dipercayai oleh pelajar dapat membantu untuk mendapatkan perkataan yang sesuai untuk mengemukakan idea (min = 3.93). Maklumat yang diperolehi daripada Internet pula tidak bermasalah untuk disimpan (min = 3.92). Item yang menyatakan dapat mengingati perkara yang sukar dipelajari dengan menggunakan Internet adalah nilai min yang terendah (min = 3.48).

**Jadual 5 : Efikasi Kendiri Pelajar Terhadap Penggunaan Internet dalam Penulisan Karangan**

	N	Min	Sisihan Piawai
ingin mengikuti kursus lanjutan	189	4.25	1.01
berkemampuan menulis karangan yang banyak fakta	189	4.13	1.12
mendapatkan yang sesuai untuk mengemukakan idea	189	3.92	1.05
tidak bermasalah menyimpan maklumat	189	3.92	1.09
tidak berasa gugup	189	3.83	1.02
tidak gementar atau keliru	189	3.77	1.00
memahami perkara yang diajar	189	3.57	1.00
dapat menjawab soalan berpenilaian kritikal	189	3.56	0.98
berasa cukup puas jika menggunakan bantuan	189	3.56	1.05
berkemampuan mendapat markah yang baik	189	3.53	0.97
tidak keliru dengan apa yang dipelajari	189	3.53	1.00
mengingati perkara yang sukar	189	3.48	1.05

Dapatan kajian ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan efikasi kendiri yang signifikan antara jantina dan kategori sekolah. Walau bagaimanapun berdasarkan Jadual 6 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam efikasi kendiri para pelajar berdasarkan pendapatan keluarga (  $F = 3.695$ ,  $p = 0.027 < 0.05$ ). Oleh kerana terdapat perbezaan yang signifikan antara tiga kategori pendapatan keluarga pelajar maka ujian post hoc dijalankan untuk menentukan kategori pendapatan yang manakah yang berbeza secara signifikan antara 3 kumpulan tersebut.

**Jadual 6 : Anova antara Efikasi Kendiri berdasarkan pendapatan keluarga**

	df	Sum of Squares	Mean Square	F	Sig.
Antara kumpulan	2	3.990	1.995	3.695	0.027
Dalam Kumpulan	186	100.422	0.540		
Jumlah	188	104.413			

\* signifikan pada paras  $p < 0.05$

Berdasarkan ujian post hoc (Anova Tukey) didapati pasangan yang berbeza secara signifikan adalah antara kumpulan keluarga yang berpendapatan rendah dengan kumpulan yang berpendapatan tinggi ( $p = 0.023$ ,  $0.05$ ). Ini menunjukkan bahawa perbezaan efikasi kendiri hanya berlaku di kalangan pelajar yang berlatar belakang keluarga yang berpendapatan rendah dengan pelajar yang berlatar belakang keluarga berpendapatan tinggi. Pelajar yang keluarga mereka berpendapatan tinggi mempunyai efikasi kendiri yang lebih tinggi dibandingkan dengan mereka yang datang daripada pendapatan rendah.

**Jadual 7 : Ujian Post Hoc Tukey Efikasi Kendiri berdasarkan pendapatan keluarga**

(I) pendapatan	(J) pendapatan	Perbezaan Min (I-J)	Sig
Rendah	Sederhana	-.2611	.178
	Tinggi	-.3168*	.023
Sederhana	Rendah	.2611	.178
	Tinggi	-5.5635E-02	.920
Tinggi	Rendah	.3168*	.023
	Sederhana	5.563E-02	.920

\* signifikan pada paras  $p < 0.05$

### Minat Pelajar Terhadap Penggunaan Internet dalam Penulisan Karangan

Minat pelajar terhadap penggunaan Internet dalam penulisan karangan bahasa Melayu ditunjukkan dalam jadual 8. Pada keseluruhan minat pelajar terhadap penggunaan Internet dalam penulisan didapati sangat baik. Min keseluruhan adalah tinggi (min = 3.92) dengan sisihan piawai 0.77. Pembelajaran berbantuan Internet adalah sesuatu pembelajaran yang menarik menunjukkan nilai min tertinggi (min= 4.28). Kini pelajar lebih berminat kepada teknologi komputer juga menunjukkan nilai min yang tinggi (min= 4.23). Pelajar juga berminat menggunakan Internet kerana persediaan untuk belajar tidak menjemukan dan menyusahkan (min = 3.97). Pengajaran guru suka diikuti pelajar jika mereka menggunakan Internet (min = 3.92). Item yang menyatakan pelajar akan cuba mendapatkan bahan tentang bagaimana belajar menggunakan penulisan menggunakan Internet menunjukkan nilai min terendah (min = 3.62).

**Jadual 8 Minat Pelajar Terhadap Penggunaan Internet dalam Penulisan Karangan**

	N	Min	Sisihan Piawai
suatu pembelajaran yang menarik	189	4.28	1.01
lebih berminat kepada teknologi komputer	189	4.26	0.99
bantuan Internet tidak menjemukan dan menyusahkan	189	3.97	0.96
suka mengikuti pembelajaran guru jika mereka menggunakan Internet	189	3.92	1.03
sanggup menggunakan Internet wlpun memerlukan banyak masa	189	3.82	1.09
mencuba sendiri arahan-arahan	189	3.75	1.11
bersedia menggunakan Internet untuk tugas yang lain	189	3.74	1.08
mendapatkan bahan bagaimana belajar menggunakan Internet	189	3.62	1.14

Dapatan kajian ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan minat yang signifikan antara jantina, katagori sekolah dan perbezaan pendapatan keluarga terhadap penggunaan Internet dalam penulisan karangan.

### Kesimpulan

Kajian ini pada keseluruhannya menunjukkan persepsi pelajar terhadap Internet dalam penulisan karangan adalah positif. Responden didapati mempunyai sikap, motivasi, efikasi

kendiri dan minat yang tinggi terhadap penggunaan Internet dalam penulisan karangan. Dapatan telah menunjukkan, kategori sekolah dan jantina tidak memberi kesan kepada sikap dan motivasi pelajar. Pelajar menerima dengan baik kehadiran Internet dalam proses pembelajaran dan percaya Internet dapat membantu mereka dalam penulisan karangan. Levine (1998), dalam kajiannya mendapati sikap menjadi penentu sama ada seseorang itu bermotivasi untuk menggunakan komputer (Internet). Pelajar yang mempunyai sikap yang positif terhadap kewujudan Internet akan cuba menerima dan menyesuaikan diri dengan kehadirannya.

Begitu juga dengan jantina, persepsi terhadap Internet antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan hampir sama iaitu menunjukkan satu persepsi yang baik. Pendedahan tentang komputer yang diperoleh daripada persekitaran sekolah dan di rumah memberikan persepsi yang baik kepada pelajar. Pengalaman terhadap sesuatu amat penting bagi menentukan sikap dan efikasi sendiri. Menurut Torkzadeh dan Van Dyke (2002) pada awal kajiannya, sikap lelaki lebih baik daripada perempuan terhadap komputer tetapi, akhirnya beliau mendapati sikap pengguna perempuan menjadi sama dengan sikap lelaki setelah latihan menggunakan komputer sebagai pendedahan diberikan. Pendedahan yang meluas tentang komputer telah menyumbang kepada pandangan yang positif terhadap komputer. Hal ini dijelaskan oleh Lambert dan Leuthall (1989) bahawa kebimbangan terhadap komputer akan menurun apabila literasi komputer bertambah.

Persepsi yang positif terhadap penggunaan Internet dalam penulisan karangan yang diperoleh daripada hasil kajian ini membawa pengertian bahawa permasalahan pelajar dalam proses penulisan karangan boleh diatasi. Sikap yang positif terhadap penggunaan Internet dalam pengajaran dan pembelajaran menunjukkan pelajar begitu percaya dan berkeyakinan bahawa Internet dapat membantu mereka dalam penulisan karangan. Apatah lagi dengan motivasi yang tinggi dan diikuti dengan efikasi sendiri serta minat akan memberi galakan dan kesungguhan untuk menggunakan Internet dalam penulisan. Selain itu penggunaan Internet sebagai bahan bantu belajar dalam penulisan karangan akan menambahceriakan suasana pembelajaran di dalam bilik darjah. Pembelajaran yang berpusatkan pelajar akan dapat diimplimentasikan dengan jayanya dan dapat melahirkan pelajar yang bermaklumat. Dengan ini permasalahan dalam menyediakan karangan akan menjadi mudah malah pelajar dapat menghasilkan sebuah karangan yang sempurna dan berkesan.

## RUJUKAN

- Bandura, A. (1977). Self-efficacy : toward a unifying of behavior change. *Psychologist*, 37 122-147.
- Beauvois, M. (1998). Conversations in slow motion: *Computer-mediated communication in the foreign language classroom*. The Canadian Modern Language Review, 54 (2), 198-217.
- Biggs, J. (1999). *Teaching for quality learning at university*. Buckingham: Open University Press.
- Brooks, David. W. (1997). *Web- teaching - A guide to designing interactive teaching for the world wide web*. New York : Plenum Press.
- Collin, B. Et al. (1996). *Children and computer in school*. New Jersey : Lawrence Erlbaum.
- Descy, D.E. All abroad the Internet dalam *Journal TechTrends*. Vol 26 No 5 m.s 3-5
- Forcier, R.C. (1999). *The computer as an educational tool*. Upper Saddle River, N.J: Prentice-Hall.
- Ghandi, Subash. (2001). E-Book - The future of reading and ultimate book publishing, *Journal Educational Technology System*, Vol 29 (1) 49-66

- Gist, M. (1987). Self-efficacy: implications for organizational behavior and human resource management. *Academy of management review*, 2, 472-805.
- Gray, Kenneth. C. dan Xiaoli, Cao. (2001). Computer and Internet usage in education : *Theories, Practice And Research Basics, Journal Educational Technology System*, Vol 29 (1) 41-48.
- Greany. J.S. (2002). Student perceptions on language learning in a technological environment : Implications for the new millennium.
- Jamaludin dan Zamri. (1999). Keberkesanan guru dalam pengajaran penulisan karangan menurut persepsi pelajar sekolah menengah. *Projek penyelidikan G/3?97 Fakulti Pendidikan, UKM Bangi*.
- Kroll, B. (pnyt.) (1990). *Second language writing research insight for the classroom. Cambridge : Cambridge University Press*.
- Kuang-Wu, Lee. (2000). English teacher barriers to the use of computer-assisted language learning, *The Internet TESL, Journal*. Vol VI No 12.
- Lambert, M. E & Lenthall, G.(1989). Effect of psychology courseware. Use on computer anxiety in student. *Computer in human behavior*. 5 : 207 -214.
- Levine, T., & Schmidt, D. S. (1998). Computer use, confidence, attitudes and knowledge: A causal analysis. *Computer in human behavior*. Vol. 14 . 1, pp. 125-146.
- Maxwell, R.J. & Jordan, M.M. (1993). *Teaching english in middle and secondary school*. New York : Macmillan Publishing Company.
- Oliver, T.A., & Shapiro, F. (1993). Self-efficacy and computer. *Journal of computer-based instruction*, 20, 81-85.
- Peterson, Mark. (1997). Language teaching and networking, *System*, Vol. 25, No. 1 m.s 29-37.
- Salaberry, M. (2001). The use of technology for second language learning and teaching: retrspective. *The Modern Language Journal*, 85 910, 41-56.
- Stone, Randhi Beth. (1999). The effect of guided Internet writing activities on student's writing. Thesis Dr. Education. Massachusetts : University Of Lowell.
- Sutherland-Smith, Wendy. (2002). Weaving the literacy web : Change in reading from page to scree, *Reading Teacher*, April 1, Vol 55, Issue 7.
- Toriskie, Jeanne Marie. (1999). The effect of Internet usage on student achievement and student attitude. *Tesis Phd*. Layola Universiti of Chicago.
- Torkzadeh, G. & Van Dyke, T.P. (2002). Effects of training on Internet self-efficacy and computer user attitudes. *Computer in human behavior* 18 , 479-494.
- Warschauer, M. (1999). *Motivational aspects of using computers for writing and communication Dlm telecollaboration in foereign language learning* (ed) Warschauer. Honolulu : University Of Hawaii.